



## **Ketidakseimbangan wilayah dan sektor berpotensi mentransformasikan sosioekonomi penduduk menggunakan pendekatan *location quotient***

Hasnah Ali<sup>1</sup>, Noraziah Ali<sup>1</sup>, Sanep Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Program Sains Pembangunan, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Noraziah Ali (email: noraziah@ukm.my)

### **Abstrak**

Ketaksimbangan pembangunan wilayah berlaku akibat daya saing di wilayah kurang maju tidak dapat menyaingi daya saing di wilayah maju. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap fenomena ketaksimbangan pembangunan wilayah yang berlaku di Malaysia, iaitu antara wilayah maju dan wilayah kurang maju. Kajian ini juga cuba mengenalpasti industri atau sektor manakah yang mendatangkan faedah berbanding kepada wilayah atau negeri yang dikaji. Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji telah mengaplikasikan teknik *location quotient* (LQ). Pengiraan indeks ini melibatkan dua tempoh masa dan dua pembolehubah yang berbeza. Bagi tempoh masa pertama iaitu 1970 - 1990, data pengeluaran sektor pertanian, perlombongan dan kuari, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan digunakan untuk mengira koefisien LQ. Bagi tempoh masa kedua pula iaitu 2003 - 2006, pembolehubah guna tenaga bagi lima sektor yang serupa telah diaplikasikan. Enam wilayah yang terdiri daripada Wilayah Tengah, Wilayah Utara, Wilayah Timur, Wilayah Selatan, Sabah dan Sarawak telah diambil kira dalam pengiraan indeks LQ tersebut. Manakala pengiraan indeks LQ ke atas dua buah negeri maju membabitkan negeri Selangor dan Melaka, sementara dua negeri kurang maju adalah Terengganu dan Pahang. Analisis LQ ini mencadangkan bahawa bagi tempoh 1970 - 1990 dan 2003 - 2006, aktiviti ekonomi di wilayah kurang maju iaitu di Wilayah Timur, Sabah dan Sarawak adalah tertumpu dalam sektor pertanian. Sementara itu, bagi wilayah maju seperti Wilayah Tengah aktiviti ekonominya lebih tertumpu kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dapatan kajian ini seterusnya menunjukkan bahawa negeri kurang maju (Terengganu dan Pahang) mempunyai ciri aktiviti yang serupa dengan wilayah kurang maju, iaitu aktiviti ekonomi yang lebih tertumpu kepada sektor pertanian, perlombongan dan kuari. Sebaliknya, aktiviti ekonomi negeri Selangor dan Melaka didapati mirip atau sama seperti aktiviti ekonomi di wilayah maju. Untuk membolehkan negeri mundur mencapai tahap yang sama seperti negeri maju, analisis LQ mencadangkan agar negeri mundur mengembangkan sektor ekonomi seperti sektor pembuatan dan pembinaan sebagai salah satu cara ke hadapan untuk meningkatkan pendapatan penduduk.

**Katakunci:** dasar pembangunan wilayah, ekonomi wilayah, Indeks LQ, pembangunan tak seimbang, ketaksimbangan wilayah, wilayah

## Regional inequality and the role of potentially transformative sectors using the *location quotient* analyses

### Abstract

Uneven regional development develops as the competitiveness of the less developed region is not able to match the more developed region. This study looks into the phenomenon of uneven regional development in Malaysia to identify which industrial sector offer comparative benefits to the region or state under study. To achieve the aims, we applied the *location quotient* (LQ) technique. The index involved two different periods and two different variables. For the first period, 1970 - 1990, production data on agricultural, mining and quarry, manufacturing and services were used to calculate the LQ coefficient. For the second period, 2003 - 2006, the variable of workforce in the same five sectors was applied. Six regions, namely the Central Region, the Northern Region, the Eastern Region, the Southern Region, Sabah and Sarawak, were adopted in the calculation of the LQ index. In the same vein, the calculation of LQ index was conducted for two more developed states of Selangor and Melaka and two less developed states of Terengganu and Pahang. The LQ analyses suggested that during the period of 1970 - 1990 and 2003 - 2006, the economic activities in the less developed states of Sabah and Sarawak were mainly in agriculture. By contrast, the economic activities in the more developed regions, as in the Central Region, Selangor and Melaka focussed on manufacturing and services. Thus to empower the less developed states to equal the achievement of the more developed states, the LQ analyses point to the imperative of expanding the industrial and construction sectors in those less developed states.

**Keywords:** LQ index, regional economy, regional development policy, uneven development, regional inequality, regions

### Pengenalan

Anjakan teras ekonomi Malaysia daripada sektor pertanian dan perlombongan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan telah memberi impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita dan Indeks Kualiti Hidup (IKH) Negara yang terus meningkat pada aras yang tinggi saban tahun boleh dijadikan kayu ukur untuk membuktikan hakikat tersebut. Bagaimanapun, di sebalik peningkatan KDNK per kapita dan kualiti hidup penduduk daripada segi ekonomi, sebenarnya wujud trend yang melebar pada ketaksamaan pembangunan antara wilayah maju dan wilayah kurang maju.

Strategi pembangunan menumpu yang diterima pakai oleh pemerintah sekitar 1980-an, telah mendorong kepada berlakunya penumpuan aktiviti ekonomi ke pusat pertumbuhan utama dan seterusnya mewujudkan jurang pembangunan yang ketara antara wilayah yang maju dan wilayah kurang maju. Misalnya, penumpuan kegiatan perindustrian terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang amat ketara di beberapa buah negeri maju terutamanya di Wilayah Tengah seperti Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (Hasnah Ali, 1991). Sebaliknya, aktiviti sektor pertanian dan perlombongan lebih tertumpu ke kawasan luar Bandar atau lebih tepat lagi tertumpu ke wilayah yang kurang maju seperti Wilayah Timur, Wilayah Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, untuk mengurangkan ketidakseimbangan ini sangat penting kerana ketidakseimbangan ekonomi wilayah menghalang pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan Negara walaupun pengagihan pendapatan ruang kelihatan untuk tumbuh lebih cepat. Pelbagai usaha dan strategi telah diambil sejak tahun 1970an untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan ini. Persoalannya: sejauh manakah usaha kerajaan menerusi pelbagai rancangan pembangunan ini dapat mengurangkan jurang pelebaran antara wilayah dan negeri. Dengan maksud lain kita sebenarnya sedang mempersoalkan sejauhmana penumpuan telah mengambil tempat.

Penumpuan ekonomi lazimnya merujuk kepada suatu proses yang mana ekonomi Negara telah menunjukkan peningkatan yang serupa dalam corak prestasi mereka, iaitu dalam sesetengah kes ia merujuk kepada kewujudan kuasa pasaran yang pada akhirnya akan membawa kepada kesamaan taraf hidup di setiap negeri.

Walaupun pemerintah terus menerus mengambil langkah untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan wilayah menerusi pelbagai dasar dan strategi tetapi gejala ini masih lagi belum menunjukkan sebarang tanda untuk berkurangan. Sehubungan dengan itu, tujuan pertama kajian ini adalah untuk membincangkan masalah ketidakseimbangan antara wilayah maju dan wilayah kurang maju di Malaysia menerusi pendekatan analisis *location quotient*. Manakala, tujuan kajian yang kedua ialah untuk mengenalpasti industri atau sektor manakah yang memberi faedah berbanding kepada wilayah atau negeri yang dikaji.

## Metodologi

Bagi mengkaji ketidakseimbangan wilayah yang berlaku di Malaysia, kajian ini akan menggunakan pendekatan *location quotient* (LQ). LQ merupakan satu indeks untuk membandingkan perkongsian aktiviti sesuatu kawasan dengan kawasan secara agregat. Ia dapat menunjukkan sama ada agihan sesuatu aktiviti tersebut terdapat penumpuan dalam sesuatu kawasan atau ia diagihkan secara seimbang. Pembolehubah yang boleh digunakan sebagai alat ukur untuk menghasilkan koefisien LQ ialah jumlah guna tenaga atau jumlah pengeluaran bagi aktiviti ekonomi yang dikaji. Pendekatan LQ ini boleh dilakukan dengan mudah, cepat dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Pengiraan indeks LQ dapat dinyatakan menerusi persamaan matematik berikut:

$$LQ = [a_i/b_i] / [A_a/B_i]$$

$a_i$  = Jumlah guna tenaga dalam sektor i dalam negeri S

$b_i$  = Jumlah guna tenaga dalam negeri S

$A_a$  = Jumlah guna tenaga dalam sektor i dalam ekonomi Negara n

$B_i$  = Jumlah guna tenaga dalam ekonomi n

Nilai indeks *location quotient* yang diperolehi boleh distruktur dan ditakrifkan seperti berikut:

- Jika  $LQ > 1$  menunjukkan bahawa perkongsian aktiviti i dikawasan tersebut berlaku penumpuan / konsentrasi berbanding agregat.
- Jika  $LQ = 1$  menunjukkan bahawa perkongsian aktiviti i dikawasan tersebut seimbang berbanding agregat.
- Jika  $LQ < 1$  menunjukkan bahawa perkongsian aktiviti i dikawasan tersebut berlaku kekurangan konsentrasi berbanding agregat.

Analisis indeks *location quotient* bagi kajian ini dikira mengikut pembahagian enam wilayah berikut:

- Wilayah Utara (Kedah, Perlis, Perak dan Penang)
- Wilayah Tengah (Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan)
- Wilayah Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)
- Wilayah Selatan (Johor)
- Sabah
- Sarawak

Dalam kajian ini kami membandingkan prestasi wilayah maju dan wilayah kurang maju bagi tempoh 1970 hingga tahun 2006 yang melibatkan pembolehubah guna tenaga. Jangka masa ini adalah satu jangka masa yang agak lama dimana kami menekankan walaupun terdapat berbagai strategi pembangunan yang lalu, masih terdapat jurang yang tinggi antara wilayah maju dengan wilayah yang kurang maju. Prestasi bagi dua buah negeri kaya dan dua buah negeri miskin juga dianalisis dalam kajian ini. Terdapat lima sektor yang dikaji dalam kajian ini iaitu pertanian,

perlombongan dan kuari, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Analisis LQ bagi wilayah ini adalah dibandingkan dengan ekonomi Negara. Data adalah diperolehi daripada laporan pelbagai jabatan kerajaan dan Bank Negara Malaysia.

## Sorotan kajian

Meskipun terdapat sebilangan besar artikel dan kajian yang menyumbang kepada perbincangan berkaitan faktor-faktor penyebab dan akibat ketidakseimbangan wilayah telah timbul sejak beberapa dekad yang lalu namun kepentingan baru hanya ditemui daripada kajian-kajian terkini.

Misalnya, timbul satu siri kajian percubaan untuk menilai kecenderungan menumpu dan menyimpang antara Negara dalam pengantarabangsa baru dan persekitaran ekonomi (Barro dan Sala-i-Martin 1991, 1992; Levine dan Renelt 1992; Sala-i-Martin 1994; Quah 1996; Sala-i-Martin 1997). Di Jepun contohnya, beberapa penyelidik telah mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam ketaksamaan pendapatan individu seperti Tachibanaki (1998), Ohtake (1994, 2000), Ohtake dan Saito (1998). Tachibanaki (1998), pula telah memberi tumpuan kepada peningkatan dalam ketidakseimbangan pendapatan individu. Ohtake (1994) juga menyatakan bahawa terdapat empat faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini pada tahun 1980. Pertama, perbezaan pendapatan keluarga semakin melebar disebabkan oleh terdapat ramai penduduk dewasa di Negara tersebut. Kedua, perbezaan upah secara serentak telah berlaku pada kategori umur yang sama dan antara umur. Ketiga, ketidakseimbangan dalam pengagihan aset telah meningkat disebabkan oleh peningkatan harga tanah dalam penggal kedua 1980. Keempat, kemajuan dalam sistem cukai mempunyai kelemahan kerana pembaharuan cukai pada separuh penggal kedua tahun 1980. Ohtake (2000) dan Ohtake dan Saito (1998) telah juga turut menunjukkan bahawa kewujudan golongan penduduk dewasa yang ramai telah menyebabkan berlakunya peningkatan pada tahun 1990.

Walaupun, peningkatan dalam ketidakseimbangan pendapatan individu di Jepun merupakan perkara biasa, persoalannya adakah ketidakseimbangan pendapatan antara wilayah ini menumpu? Berdasarkan kepada hasil kajian oleh Barro dan Sala-i-Martin (1992), didapati pendapatan individu menumpu pada tingkat yang sama. Pada satu sudut lain, Barro (1991) mendapati bahawa tingkat KDNK per kapita bagi Negara miskin dapat mencapai tahap yang sama seperti Negara kaya. Misalnya, Barro (1991) telah mengkaji tentang KDNK per kapita menumpu yang melibatkan data 98 buah Negara. Tambahan lagi, Barro dan Sala-i-Martin (1992) juga turut meneliti KDNK per kapita menumpu di Jepun dan US dan telah mengesahkan bahawa tingkat KDNK per kapita menumpu pada tingkat pendapatan yang sama telah berlaku walaupun menerusi "prefectures" dan negeri.

Walaupun, tidak termasuk dalam skop kajian ini untuk mengulas perbincangan teori terhadap hipotesis menumpu tetapi secara ringkasnya perlu dinyatakan bahawa pertikaian yang berkaitan wilayah menumpu ini timbul daripada perbincangan dua model pertumbuhan yang berlawanan iaitu teori pertumbuhan neoklasikal dan teori pertumbuhan endogenus. Kedua-dua pendekatan ini masing-masing mempunyai implikasi dasar berbeza yang kuat dan kukuh. Berdasarkan kepada perspektif neoklasik penumpuan berlaku adalah disebabkan oleh kehadiran konsep pulangan modal berkurangan. Proses menumpu akan berlaku untuk mengurangkan perbezaan pendapatan asal, oleh itu dasar campur tangan kerajaan tidak diperlukan untuk membetulkan ketidakseimbangan wilayah. Sebaliknya menurut teori pertumbuhan endogenus, kehadiran pulangan meningkat ikut skala berkemungkinan akan mencetuskan kepada berlakunya ketidakseimbangan tingkat pendapatan wilayah yang berterusan bahkan ia akan menjadi semakin melebar. Apabila kajian terhadap hipotesis menumpu diberi perhatian, ini juga membawa maksud bahawa kita sebenarnya sedang menguji dua pendekatan pertumbuhan ekonomi yang saling

bersaing. Setakat ini, bukti empirikal dan teoritikal dan asas metodologi bagi analisis jenis ini tengah hebat diperbincangkan.

## Hasil kajian

Analisis *location quotient* seperti yang dibincangkan sebelum ini akan melibatkan dua tempoh masa kajian berbeza dan penggunaan pembolehubah indeks LQ yang berbeza. Bagi tempoh masa pertama adalah meliputi tahun 1970 hingga 1990 dan analisis menggunakan data jumlah pengeluaran bagi setiap wilayah dan negeri yang dikaji sebagai pembolehubah dalam pengiraan indeks LQ.

Hasil pengiraan indeks LQ bagi pengeluaran ini ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan kepada Jadual 1 tersebut, didapati secara keseluruhannya ekonomi Wilayah Tengah dari tempoh 1970 hingga 1990 adalah dipacu dan dijana oleh sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Indeks LQ untuk sektor pembuatan dan sektor pembinaan ini telah menunjukkan trend yang semakin berkurangan berbanding dengan sektor perkhidmatan pula telah mempamerkan trend yang sebaliknya, namun masing-masing masih lagi mencatatkan nilai di atas satu. Misalnya, nilai indeks yang dicatatkan oleh sektor pembuatan dan pembinaan ialah 1.49 dan 1.22 pada 1970, 1.35 dan 1.23 pada 1980 dan 1.26 dan 1.09 bagi tahun 1990. Sementara itu, indeks untuk sektor perkhidmatan pula telah mengalami peningkatan yang mendadak pada 1990 iaitu mencapai nilai 2.73 berbanding hanya 1.13 pada tahun 1980. Sumbangan sektor pertanian dan perlombongan dan kuari terhadap ekonomi Wilayah Tengah pula semakin kurang penting. Penurunan indeks terus menerus bagi tempoh 1970 hingga 1990 dan nilai indeks yang kurang daripada satu menggambarkan bahawa kebenaran hakikat tersebut.

Wilayah Utara adalah terdiri daripada gabungan antara dua negeri kaya iaitu Pulau Pinang dan Perak serta dua negeri miskin iaitu Kedah dan Perlis. Sekitar tahun 1970 hingga 1980, pertumbuhan ekonomi Wilayah Utara dijana oleh sektor pertanian dan sektor perlombongan dan kuari, namun selepas tahun 1980 hingga 1990 tanggungjawab ini diambil alih oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Penurunan dalam nilai indeks *location quotient* dari 1.23 pada 1980 kepada 0.93 pada 1990 untuk sektor pertanian dan 1.72 pada 1970 kepada 0.32 pada 1990 membuktikan hakikat ini. Manakala peningkatan dalam LQ bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan daripada 0.76 dan 0.96 pada 1970 kepada 1.12 dan 1.03 pula menunjukkan percubaan Wilayah Utara untuk bergantung terhadap kedua-dua sektor tersebut. Walaupun, nilai LQ yang direkodkan masih kurang daripada satu, sektor pembinaan Wilayah Utara nampaknya mula menunjukkan peningkatan sejak 1980 hingga 1990.

Berdasarkan kepada Jadual 1, dari tempoh 1970 hingga 1990 didapati pertumbuhan ekonomi negeri-negeri di bawah Wilayah Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah disumbang oleh sektor pertanian dan perlombongan dan kuari. Rata-rata nilai indeks yang dicatatkan oleh kedua-dua sektor ini melebihi daripada satu kecuali bagi sektor perlombongan dan kuari untuk tahun 1971 dan 1975. Bagi tempoh yang sama, sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan kurang penting sumbangannya dalam menjana pertumbuhan ekonomi Wilayah Timur. Sektor pertanian dan pembuatan negeri Johor bagi tempoh 1970 hingga 1990, didapati bergandingan untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Bagaimanapun, kedua-dua sektor terbabit telah menunjukkan trend LQ yang berbeza iaitu sumbangan sektor pertanian semakin berkurang dan sebaliknya sumbangan sektor pembuatan Johor dilihat semakin meningkat sepanjang tempoh tersebut. Misalnya, indeks LQ sektor pembuatan pada 1970 ialah 1.17 dan telah meningkat kepada 1.19 pada 1990. Manakala, 1.47 ialah LQ yang dicatatkan oleh sektor pertanian pada 1975 telah berkurang kepada 1.29 pada tahun 1990. Sabah dan Sarawak didapati mempunyai ciri-ciri ekonomi yang hampir serupa dengan Wilayah Timur iaitu ekonominya sekitar tempoh 1970 hingga 1990 masih lagi bergantung kepada sektor perlombongan dan kuari, sektor pertanian dan juga sektor pembinaan. Walaupun

begitu, sumbangan sektor perlombongan dan kuari negeri Sabah hanya bermula selepas tahun 1975, yang mana berlaku peningkatan secara tiba-tiba dalam pengeluaran sektor tersebut iaitu dari 0.11 pada 1975 kepada 2.65 pada 1980. Di samping itu, sektor pembinaan Sabah dan Sarawak turut juga menunjukkan peningkatan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negeri tersebut. Tetapi sumbangan sektor pembuatan kepada ekonomi Sabah dan Sarawak masih lagi kecil peranannya berbanding dengan sektor-sektor lain. Maka dapat disimpulkan bahawa sektor perlombongan dan kuari, pertanian dan pembinaan merupakan sektor asas yang menjana pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dan Sarawak sepanjang tempoh 1970 hingga 1990.

**Jadual 1. Indeks *location quotient* mengikut wilayah dari 1970 hingga 1990**

Wilayah	Sektor	<i>Location Quotient</i> 1970-1990					
		1970	1971	1975	1980	1985	1990
Wilayah Tengah	Pertanian	0.57	0.52	0.58	0.50	0.49	0.45
	Perlombongan dan Kuari	0.73	0.63	0.62	0.35	0.28	0.20
	Pembuatan	1.49	1.50	1.24	1.35	1.29	1.26
	Pembinaan	1.22	1.26	1.15	1.23	1.15	1.09
	Perkhidmatan	1.09	1.10	1.11	1.13	1.10	2.73
Wilayah Utara	Pertanian	1.07	1.03	1.02	1.23	0.97	0.93
	Perlombongan dan Kuari	1.72	1.75	1.53	0.91	0.59	0.32
	Pembuatan	0.76	0.21	0.94	1.05	1.10	1.12
	Pembinaan	0.88	0.73	0.90	0.69	0.73	0.75
	Perkhidmatan	0.97	0.97	0.99	1.02	1.03	1.03
Wilayah Timur	Pertanian	1.37	1.32	1.45	1.56	1.46	1.51
	Perlombongan dan Kuari	1.48	0.49	0.43	1.51	1.44	1.48
	Pembuatan	0.53	0.30	0.76	0.50	0.75	0.81
	Pembinaan	0.75	0.79	0.89	0.77	0.80	0.80
	Perkhidmatan	0.91	0.78	0.92	0.93	0.93	0.94
Wilayah Selatan	Pertanian	1.31	1.43	1.47	1.43	1.37	1.29
	Perlombongan dan Kuari	0.40	0.34	0.28	0.09	0.07	0.06
	Pembuatan	1.17	1.03	1.29	1.12	1.17	1.19
	Pembinaan	0.46	0.52	0.55	0.74	0.77	0.78
	Perkhidmatan	0.93	0.84	0.86	0.85	0.88	0.89
Sabah	Pertanian	1.70	1.78	1.66	1.93	1.90	1.96
	Perlombongan dan Kuari	0.05	0.05	0.11	2.65	3.30	3.71
	Pembuatan	0.21	0.17	0.26	0.11	0.14	0.16
	Pembinaan	1.44	0.99	1.40	1.13	1.32	1.45
	Perkhidmatan	0.89	0.88	0.92	0.74	0.85	0.94
Sarawak	Pertanian	1.15	1.07	0.93	1.17	0.52	1.19
	Perlombongan dan Kuari	0.61	2.42	3.44	3.60	4.10	4.53
	Pembuatan	0.77	0.60	0.72	0.47	0.39	0.38
	Pembinaan	1.18	1.32	1.10	1.51	1.62	1.71
	Perkhidmatan	0.99	0.84	0.96	0.84	0.91	0.97

## Analisis location quotient dua negeri maju dan dua negeri miskin

Ekonomi utama negeri Selangor bagi tempoh 1970 hingga 1990 adalah dipacu oleh penumpuan industri dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Nilai LQ yang melebihi daripada satu yang dicatatkan oleh sektor-sektor tersebut membuktikan hakikat ini. Misalnya indeks location quotient bagi sektor pembuatan pada tahun 1970, 1980 dan 1990 masing-masing mencatatkan nilai melebihi satu iaitu 1.66, 1.47 dan 1.34 walaupun sektor ini menunjukkan trend yang semakin menurun. Manakala sektor perkhidmatan Selangor pula merekodkan peningkatan indeks LQ yang drastik daripada 1.10 pada 1985 kepada 3.11 pada 1990. Peningkatan drastik ini, membawa maksud bahawa pada tahun 1990 Selangor telah mula bergantung kepada sektor perkhidmatan. Nilai indeks LQ yang melebihi daripada satu, menunjukan sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan bukan sahaja menghasilkan pengeluaran untuk kegunaan penduduknya malahan juga mengeksport barang-barang dan perkhidmatan tersebut kepada penduduk di luar kawasan Selangor.

Indeks LQ yang melebihi daripada satu yang dicatatkan oleh sektor perkhidmatan sepanjang tempoh 1970 hingga 1990, membuktikan bahawa sektor perkhidmatan merupakan sektor asas yang menjana ekonomi negeri Melaka berbanding sektor-sektor lain. Didapati LQ sektor pembuatan Melaka terus meningkat iaitu dari 0.43 pada 1970 kepada 0.75 pada 1995, menggambarkan percubaan Melaka untuk bergantung kepada sektor ini, namun bagi tempoh ini sektor pembuatan masih lagi belum merupakan sektor asas.

**Jadual 2. Indeks *location quotient* bagi dua negeri maju dari 1970 hingga 1990**

Wilayah	Sektor	<i>Location Quotient</i> 1970-1990					
		1970	1971	1975	1980	1985	1990
Melaka	Pertanian	0.88	1.13	0.88	1.08	0.98	0.86
	Perlombongan dan Kuari	0.01	0.08	0.03	0.06	0.07	0.07
	Pembuatan	0.43	0.56	0.63	0.62	0.70	0.75
	Pembinaan	0.29	0.51	0.80	0.78	0.76	0.76
	Perkhidmatan	1.22	1.24	1.15	1.25	1.27	1.28
Selangor	Pertanian	0.43	0.37	0.42	0.34	0.33	0.30
	Perlombongan dan Kuari	0.93	0.80	0.80	0.41	0.32	0.23
	Pembuatan	1.66	1.72	1.33	1.47	1.38	1.34
	Pembinaan	1.33	1.52	1.18	1.33	1.24	1.18
	Perkhidmatan	1.10	1.18	1.14	1.14	1.10	3.11

Berbeza dengan negeri Terengganu, pertumbuhan ekonominya dari 1970 hingga 1990 dijana oleh sektor perlombongan dan kuari serta sektor pertanian kecuali bagi 1971 dan 1975 untuk sektor perlombongan dan kuari. Walaupun, kedua-dua sektor tersebut telah mencatatkan nilai indeks LQ yang melebihi daripada satu tetapi sektor perlombongan dan kuari merupakan penyumbang paling utama kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu.

Hal ini kerana nilai LQ yang dicatatkan oleh sektor tersebut bukan sahaja melebihi satu malahan melebihi nilai 2 bagi tahun 1970, 1980, 1985 dan 1990 iaitu nilai masing-masing ialah 2.51, 4.71, 4.84 dan 5.14. Untuk sektor pertanian, trend indeks location quotient yang ditunjukkan tidak menentu tetapi nilai yang dicatatkan masih lagi melebihi daripada satu. Hasil pengeluaran kedua-dua sektor ini (sektor perlombongan dan kuari serta pertanian) tidak sahaja mencukupi untuk menampung keperluan rakyatnya malahan turut membolehkan negeri Terengganu mengeksportnya ke negeri atau negara luar.

**Jadual 3. Indeks location quotient bagi dua negeri kurang maju dari tahun 1970 hingga 1990**

Wilayah	Sektor	<i>Location Quotient</i> 1970-1990					
		1970	1971	1975	1980	1985	1990
Terengganu	Pertanian	1.31	1.51	1.55	1.39	1.38	1.50
	Perlombongan dan Kuari	2.51	0.70	0.35	4.71	4.84	5.14
	Pembuatan	0.42	0.31	0.80	0.32	0.38	0.41
	Pembinaan	0.44	0.45	0.71	0.55	0.68	0.74
	Perkhidmatan	0.90	0.98	0.90	0.78	0.85	0.92
Pahang	Pertanian	1.45	1.18	1.54	1.69	1.51	1.52
	Perlombongan dan Kuari	1.99	0.64	0.74	0.46	0.44	0.43
	Pembuatan	0.65	0.33	0.91	0.76	1.18	1.25
	Pembinaan	0.53	0.71	0.75	0.71	0.86	0.88
	Perkhidmatan	0.85	0.59	0.86	0.85	0.78	0.75

Negeri Pahang sekitar tahun 1970 hingga 1990 juga dapat diklasifikasikan sebagai salah sebuah negeri miskin di Malaysia. Seperti Terengganu, pertumbuhan ekonominya masih bergantung kepada sektor pertanian bagi tempoh tersebut. Indeks LQ sektor pertanian yang dicatatkan dari 1970 hingga 1990 ialah 1.45, 1.18, 1.54, 1.69, 1.51 dan 1.52. Kebergantungan ekonomi negeri Pahang terhadap sektor perlombongan dan kuari nampaknya semakin lemah, ini dapat dilihat melalui penurunan secara terus menerus indeks LQ untuk sektor tersebut. Pada tahun 1970 contohnya, nilai indeks LQ yang dicatatkan sektor tersebut ialah 1.99 telah berkurang kepada 0.43 pada tahun 1990. Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi Pahang semakin bergantung kepada sektor pembuatan dan sektor pembinaan di mana kedua-dua sektor ini telah menunjukkan peningkatan dalam trend indeks LQ secara berterusan. Malahan bagi sektor pembuatan peningkatan dalam indeks LQ pada 1985 dan 1990 adalah melebihi nilai satu iaitu masing-masing bernilai 1.18 dan 1.25. Sektor pembinaan pula walaupun dari 1970 hingga 1990, nilai indeks merekodkan peningkatan yang berterusan namun nilai masih belum melebihi daripada satu.

### **Analisis LQ berdasarkan pembolehubah guna tenaga**

Analisis LQ bagi Wilayah Utara menunjukkan bahawa wilayah tersebut secara relatifnya mempunyai penumpuan guna tenaga yang tinggi dalam sektor pembuatan berbanding dengan sektor pembuatan Malaysia bagi tempoh tiga tahun. Hal ini kerana nilai indeks location quotient sektor pembuatan bagi Wilayah Utara pada tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah lebih baik daripada satu iaitu masing-masing mencatatkan nilai 1.32, 1.08 dan 1.31. Sementara, nilai indeks location quotient bagi sektor-sektor lain seperti Perkhidmatan, Pembinaan, Pertanian dan Perlombongan dan Kuari adalah kurang daripada 1 kecuali bagi sektor pembinaan pada 2004. Nilai indeks yang kurang daripada satu bermaksud bahawa Wilayah Utara mempunyai nisbah guna tenaga yang kecil dalam sektor tersebut berbanding sektor Pembinaan Negara.

Wilayah Tengah adalah terdiri daripada empat buah negeri iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kelihatan Wilayah Tengah mempunyai penumpuan guna tenaga yang tinggi dalam sektor Perkhidmatan pada 2003 berbanding dengan lain-lain sektor. Pada tahun 2004, 2005 dan 2006 sektor pembinaan masih lagi merupakan penyumbang kepada penumpuan guna tenaga yang tinggi tetapi dengan trend yang semakin menurun. Sebaliknya sektor pembuatan dan pembinaan bagi Wilayah Tengah pula menunjukkan trend yang semakin meningkat daripada 0.96 dan 0.98 pada 2003 kepada 1.12 dan 1.01 pada 2004, 1.11 dan 1.15 pada 2005 dan mencapai nilai 1.19 dan 1.01 pada tahun 2006. Tidak seperti Wilayah Tengah, Wilayah Timur dilihat kurang bergantung terhadap sektor Pembuatan kerana



nilai location quotient yang dicatatkan kurang daripada 1 bagi tempoh tiga tahun yang dikaji berbanding dengan sektor Perlombongan dan Kuari, Pertanian dan Pembinaan.

**Jadual 4. Indeks *location quotient* mengikut wilayah dari 2003 hingga 2006**

Wilayah	Sektor	<i>Location Quotient</i>			
		2003	2004	2005	2006
Wilayah Utara	Pertanian	0.73	0.66	0.83	0.86
	Perlombongan dan Kuari	0.82	0.43	0.67	0.78
	Pembuatan	1.32	1.08	1.31	1.29
	Pembinaan	0.86	2.83	0.88	0.83
	Perkhidmatan	0.97	0.77	0.96	0.96
Wilayah Tengah	Pertanian	0.28	0.40	0.31	0.35
	Perlombongan dan Kuari	0.52	0.58	0.89	0.62
	Pembuatan	0.96	1.12	1.11	1.19
	Pembinaan	0.98	1.01	1.15	1.01
	Perkhidmatan	1.21	1.12	1.12	1.10
Wilayah Timur	Pertanian	1.50	1.49	1.55	1.57
	Perlombongan dan Kuari	1.82	1.40	1.62	1.22
	Pembuatan	0.62	0.59	0.60	0.59
	Pembinaan	1.23	1.22	1.22	1.23
	Perkhidmatan	0.97	0.98	0.96	0.96
Wilayah Selatan	Pertanian	0.85	0.78	0.69	0.69
	Perlombongan dan Kuari	0.65	0.63	0.80	1.28
	Pembuatan	1.53	1.55	1.54	1.52
	Pembinaan	0.93	0.89	0.89	1.02
	Perkhidmatan	0.84	0.88	0.91	0.89
Sabah	Pertanian	2.22	5.48	2.25	2.08
	Perlombongan dan Kuari	1.48	0.36	0.97	0.82
	Pembuatan	0.54	0.17	0.57	0.56
	Pembinaan	0.90	0.24	0.91	0.87
	Perkhidmatan	0.88	0.24	0.84	0.90
Sarawak	Pertanian	2.13	2.06	2.07	2.15
	Perlombongan dan Kuari	1.78	2.61	1.88	2.10
	Pembuatan	0.59	0.61	0.60	0.61
	Pembinaan	1.10	1.05	1.03	1.07
	Perkhidmatan	0.84	0.84	0.85	0.82

Nampaknya, Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang masih lagi bergantung kepada sektor Pertanian iaitu nilai location quotient meningkat daripada 1.50 pada 2003 kepada 1.57 pada 2006. Manakala sektor Perlombongan dan Kuari dan Pembinaan Wilayah Timur pula mempamerkan trend menurun dan malar tetapi ia masih lagi lebih baik daripada satu. Asas ekonomi Wilayah Selatan menunjukkan bahawa wilayah tersebut adalah bergantung kepada sektor Pembuatan dari tahun 2003 sehingga 2006 iaitu dengan nilai indeks location quotient yang tinggi. Sektor Perlombongan dan Kuari bagi negeri Johor meningkat secara tiba-tiba dari 0.80 pada tahun 2005 kepada 1.28 pada 2006 menunjukkan Johor cuba untuk bergantung kepada sektor ini.

Sektor Pembinaan negeri Johor juga mempamerkan trend yang serupa di mana nilai indeks pada tahun 2006 adalah lebih baik daripada 1 (1.02). Penyumbang utama bagi ekonomi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ialah sektor Pertanian dan Perlombongan dan Kuari pada tahun 2003 hingga 2006 dan masing-masing mempunyai trend menurun. Sektor Pembuatan dan Pembinaan bagi Wilayah ini didapati kurang memberi sumbangan berbanding dengan lain-lain sektor dalam ekonomi Negara.

### Analisis mengikut negeri maju dan negeri kurang maju

Berdasarkan kepada Jadual 5, indeks *location quotient* yang dicatatkan oleh sektor pembuatan, perkhidmatan dan perkhidmatan negeri Selangor bagi tempoh 2003 hingga 2006 adalah melebihi daripada satu. Apabila nilai indeks LQ melebihi satu, analisis LQ menyimpulkan bahawa jumlah guna tenaga negeri Selangor yang diserap oleh ketiga-tiga sektor tersebut adalah lebih baik daripada guna tenaga yang diserap oleh sektor yang sama bagi Malaysia. Mengikut Teori Asas Ekonomi bagi jumlah guna tenaga berlebihan yang diserap, sektor tersebut akan diklasifikasikan sebagai sektor asas.

Dari tempoh 2003 hingga 2006, didapati sektor pembuatan merupakan sektor asas paling banyak menjana atau menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Melaka. Nilai indeks yang melebihi daripada satu sepanjang tempoh tersebut iaitu yang mana masing-masing bernilai 1.34, 1.28, 1.26 dan 1.47 menunjukkan sumbangan sektor pembuatan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri Melaka. Sementara, sektor pertanian serta perlombongan dan kuari pula merupakan bukan sektor asas kerana nilai LQ kedua-dua sektor ini adalah kurang daripada satu.

**Jadual 5. Indeks LQ bagi dua negeri maju dan dua negeri kurang maju dari 2003 hingga 2006**

Wilayah	Sektor	<i>Location Quotient</i>			
		2003	2004	2005	2006
Terengganu	Pertanian	1.24	1.20	1.12	1.08
	Perlombongan dan Kuari	3.28	0.33	3.51	2.85
	Pembuatan	0.63	0.68	0.67	0.67
	Pembinaan	1.47	1.48	1.52	1.53
	Perkhidmatan	0.99	0.97	0.98	1.00
Pahang	Pertanian	1.79	1.78	1.96	1.99
	Perlombongan dan Kuari	1.63	0.96	1.15	0.97
	Pembuatan	0.58	0.51	0.56	0.58
	Pembinaan	1.05	0.98	0.86	0.84
	Perkhidmatan	0.95	0.97	0.93	0.92
Melaka	Pertanian	0.48	0.57	0.53	0.47
	Perlombongan dan Kuari	0.50	0.17	0.53	0.27
	Pembuatan	1.34	1.28	1.26	1.47
	Pembinaan	1.08	1.02	0.89	0.96
	Perkhidmatan	0.99	1.01	1.05	0.98
Selangor	Pertanian	0.23	0.26	0.25	0.20
	Perlombongan dan Kuari	0.32	0.01	1.08	0.62
	Pembuatan	1.16	1.11	1.34	1.18
	Pembinaan	1.01	1.03	1.22	1.03
	Perkhidmatan	1.14	1.16	1.04	1.14

Bagi negeri-negeri kurang maju seperti Terengganu dan Pahang, sektor pertanian dan sektor perlombongan dan kuari merupakan sektor asas dalam menyediakan pekerjaan kepada penduduk di kedua-dua negeri tersebut. Bagaimanapun, perlombongan dan kuari merupakan sektor asas utama mendominasi dalam menyerap guna tenaga di kalangan rakyat Terengganu dan kemudian baru diikuti oleh sektor pembinaan dan pertanian bagi tempoh keempat-empat tahun tersebut. Peranan sektor pembuatan di Terengganu dan Pahang diamati tidak meluas seperti di negeri-negeri maju dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduknya.

## Rumusan dan implikasi dasar

Masalah ketidakseimbangan wilayah yang dialami oleh Malaysia sememangnya telah membimbangkan kerajaan Malaysia. Kajian ini dibuat untuk melihat ketidakseimbangan wilayah yang berlaku di Malaysia dan membandingkan dua negeri miskin yang terdiri daripada negeri Terengganu dan Pahang dan dua buah negeri kaya iaitu Selangor dan Melaka. Dengan menggunakan kaedah analisis location quotient keputusan kajian mencadangkan bahawa bagi tempoh 1970 hingga 1990 dan bagi tempoh 2003 hingga 2006, aktiviti-aktiviti ekonomi di wilayah mundur iaitu wilayah timur, Sabah dan Sarawak adalah tertumpu dalam sektor pertanian. Manakala bagi wilayah maju seperti Wilayah Tengah, aktiviti-aktiviti ekonominya adalah tertumpu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Ia juga benar bagi negeri miskin seperti Terengganu dan Pahang yang juga dicirikan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang tertumpu dalam sektor pertanian. Sementara itu, sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri maju seperti Selangor dan Melaka.

Untuk membolehkan negeri mundur mencapai tahap yang sama seperti negeri maju, analisis LQ telah mencadangkan agar negeri mundur mengembangkan sektor ekonomi seperti sektor pembuatan dan pembinaan sebagai salah satu cara ke hadapan untuk meningkatkan pendapatan dikalangan penduduk. Oleh itu, strategi-strategi baru dan dasar-dasar untuk menggalakkan industri asas tani berteknologi tinggi pada masa hadapan dan sasaran bagi industri-industri baru atau perniagaan seharusnya menjadi agenda penting. Maka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah melancarkan lima koridor pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Johor Selatan yang dikenali sebagai Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) untuk menyempitkan jurang antara negeri maju dan negeri mundur di Malaysia.

Dengan Model Ekonomi Baru dijangka dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, dengan memastikan Malaysia mampu meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita daripada AS\$6,700 atau RM23,700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48,000 pada 2020. Oleh itu, kerajaan giat berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing ke Malaysia melalui kerjasama sektor awam dan swasta. Koridor pembangunan diharapkan berupaya untuk menarik pelaburan langsung asing bergiat di kawasan mereka. Satu pendekatan utama dalam peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi Iskandar Malaysia dijangkakan dapat menjana purata kadar pertumbuhan lapan peratus bagi Johor pada tahun 2020.

Sementara itu, NCER mensasarkan KDNK bagi wilayah itu akan tumbuh daripada USD17 bilion pada 2005 kepada USD69.1 bilion pada 2025. Koridor Pembangunan Sabah pula mensasarkan pertumbuhan KDNK daripada USD5.16 bilion pada 2006 kepada USD20.4 bilion pada 2025. Manakala, SCORE pula disasarkan akan mencapai KDNK bernilai USD34.6 bilion untuk Sarawak pada 2030.

## Rujukan

- Barro RJ, Sala-i-Martin X (1991) *Convergence across states and regions*. Brookings Papers on Economic Activity I, 107-182.
- Barro RJ, Sala-i-Martin X (1991) Convergence. *Journal of Political Economy* **100**, 233-251.
- Barro RJ, Sala-i-Martin X (1991) *Economic growth*. McGraw-Hill, New York.
- Barro RJ (1991) Economic growth in a cross section of countries. *Quarterly Journal of Economics* **106**, 407-443.
- Barro RJ, Sala-i-Martin X (1992) Regional growth and migration: A Japan-United States comparison. *Journal of the Japanese and International Economies* **16**, 312-346.
- Hasnah Ali (1991) *Ekonomi wilayah: Teori dan amalan*. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Ampang, Selangor.
- Levine R, Renelt D (1992) A sensitivity analysis of cross-country growth regressions. *American Economic Review* **82** (4), 942-963.
- Ohtake F (1994) Income and wealth distribution in the 1980s. *Economic Studies Quarterly* **45**, 283-306 (in Japanese).
- Ohtake F (2000) Income differentials in the 1990s. *The Japanese Journal of Labour Studies* **42**, 2-11 (in Japanese).
- Ohtake F, Saito M (1998) Population aging and consumption inequality in Japan. *Review of Income and Wealth* **44**, 361-381.
- Quah DT (1996) Empirics for economic growth and convergence. *Europeans Economic Review* **40**, 1353-1375.
- Sala-i-Martin X (1994) Cross sectional regressions and the empirics of economic growth. *European Economic Review* **38**, 739-747.
- Sala-i-Martin X (1997) I just run two million regressions. *American Economic Review* **87**, 178-183.
- Tachibanaki T (1998) *Economic differentials in Japan*, Iwanami Shoten (in Japanese).